

10/09/1999

2 universiti sedia kursus urus estet

BOTA, Khamis - Usaha mewujudkan kursus pengurusan estet perladangan bercampur skala besar bagi memenuhi keperluan Dasar Pertanian Negara 3 (DPN3) terutama dalam meningkatkan pengeluaran bahan makanan, hampir menjadi kenyataan apabila dua universiti tempatan bersetuju bekerjasama melaksanakannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengarahkan Rektor Universiti Teknologi Mara (Unitekma), Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin mengkaji mewujudkan kurikulum kursus itu bagi menyediakan pengurus ladang profesional serta moden.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak juga sudah memaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia (UPM) bersetuju melaksanakan kurikulum berkenaan.

Katanya, beliau sendiri telah mengarahkan semua institut latihan pertanian di bawah kementeriannya melaksanakan kursus terbabit dengan memberi pendedahan lebih luas aspek praktikal berbanding teori kepada pelatih.

Akhir bulan lalu, Dr Mahathir ketika merasmikan sambutan hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan serta Ekspo dan Konvensyen Pertanian Asia (AGEX) 1999, mencadangkan institusi pengajian tinggi tempatan memperkenalkan program ijazah dalam bidang pengurusan ladang bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara.

"Pada masa kini, tidak ada satu kursus atau formula bagi melahirkan pengurus ladang bercampur di negara ini dan yang ada hanya pengurus ladang kelapa sawit dan getah.

Katanya, usaha melahirkan pengurus ladang penting dalam DPN3 kerana kita mahu meningkatkan pengeluaran bahan makanan serta meningkatkan eksport bahan makanan negara terutama di alaf baru.

"Golongan berkenaan mampu menguruskan ladang secara profesional, moden dan menggunakan kaedah saintifik," katanya selepas menyampaikan Sijil Pertanian kepada 317 pelatih enam institut pertanian di Institut Pertanian Parit, Titi Gantong di sini, hari ini.

Pelajar berkenaan ialah dari Institut Pertanian Serdang (Selangor), Institut Pertanian Bumbung Lima (Pulau Pinang), Institut Pertanian Kuala Lipis (Pahang), Institut Pertanian Ayer Hitam (Johor), Institut Pertanian Besut (Terengganu) serta Institut Pertanian Parit sendiri.

Dr Amar Sulaiman berkata, dalam usaha memastikan keberkesanan program latihan pertanian sedia ada khususnya melalui institut pertanian, kementerian mula mengadakan sistem pemantauan terhadap pelatih selepas mereka menamatkan latihan.

Katanya, pemantauan itu membolehkan pihaknya mengetahui sama ada pelatih terus membabitkan diri dalam sektor pertanian selepas mengikuti latihan atau melakukan pekerjaan lain.

"Daripada situ kita akan membuat penilaian terhadap keberkesanan silibus yang kita sediakan," katanya.

Sementara itu, mengenai usaha meningkatkan pendapatan pekebun kecil di negara ini, beliau berkata, kerajaan baru-baru ini menubuhkan jawatankuasa khas dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi mencari jalan meningkatkan pendapatan golongan itu khususnya penanam getah yang pendapatan mereka teruk terjejas akibat kejatuhan komoditi itu.

Beliau berkata, antara cara yang dikenal pasti untuk mengatasi masalah itu adalah menggabungkan ladang kecil supaya ia boleh diusahakan secara profesional dan efisien.

Katanya, mereka juga boleh menggunakan kawasan ladang dengan konsep ladang bercampur berskala besar yang lebih menguntungkan.

(END)